



Headline: Duit lesap selepas masuk web palsu
Publication/Portal: Kosmo
Date: 24 March 2021

Language: Bahasa Malaysia
Section: Negara
Page: 9

Duit lesap selepas masuk web palsu

KUANTAN – Seorang mekanik di Temerloh kerugian RM15,000 seurus mengisi maklumat perbankan di sebuah laman web palsu semalam.

Sebelum kejadian, lelaki berusia 22 tahun itu menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) memintanya mengemas kini akaun bank melalui pautan laman web yang dikirim kepadanya pada 16 Mac lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, lelaki itu terpedaya selepas mengetik pautan ke laman web tersebut yang dihantar melalui SMS.

“Pautan tersebut memaparkan laman web sebuah bank dan meminta mangsa log masuk menggunakan kata laluan sebelum dimaklumkan akaunnya telah diaktifkan,” katanya.

Tambahnya, selepas menerima mesej pengaktifan akaun itu, mangsa terus mendaftar keluar tanpa mengesyaki apa-apa.

Menurut Mohd. Wazir, mangsa mula menyedari

wangnya hilang ketika memeriksa baki akaun Sabtu lalu.

“Terdapat tiga transaksi pindahan wang ke dalam akaun milik individu tidak dikenali dan mangsa terus menghubungi pihak bank sebelum dinasihatkan membuat laporan polis,” katanya.

Sementara itu di daerah sama semalam, seorang peniaga berusia 46 tahun turut kerugian RM700 selepas mengetik pautan ke laman web palsu.

Mohd. Wazir berkata, mangsa telah menerima SMS dan memintanya mengetik pautan serta mengisi maklumat akses kepada akaunnya.

“Kehilangan wang disedari mangsa apabila dia menyemak akaun di cawangan bank tersebut di Mentakab semalam.

“Selain itu, pihak bank juga memaklumkan akaunnya telah disalah gunakan untuk menerima wang daripada individu lain,” katanya.

Kedua-dua kes dilaporkan di Balai Polis Mentakab, Temerloh dan disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.